



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

MEMANTAU KOMEN-KOMEN DALAM PORTAL TIDAK BERMAKSUD UNTUK MENGURANGKAN KEBEBASAN AWAM, KEBEBASAN MEDIA ATAU KEBEBASAN BERSUARA SEBALIKNYA BERTUJUAN MENINGKATKAN PENGUNAAN MEDIA SOSIAL YANG BERTANGGUNGJAWAB

Saya telah menerima banyak aduan mengenai penggunaan media sosial terutamanya mengenai komen-komen dalam portal termasuk portal berita.

Banyak cadangan telah dikemukakan tentang cara-cara mengurus komen-komen tersebut. Terdapat cadangan bahawa perlu ada pemantauan komen-komen dalam portal dan terdapat juga cadangan supaya undang-undang digubal bagi menangani perkara ini.

Pada pendapat saya, tiada apa jua yang salah apabila sesiapa menzahirkan kebimbangan mereka berkenaan perkara-perkara sebegini. Bagi saya, ini adalah kebimbangan yang berasas dan kita perlu berbincang dan mencari cara-cara untuk menanganinya.

Kerajaan PH komited terhadap kebebasan media dan kebebasan bersuara. Ini terbukti dengan pemansuhan Akta Anti-Berita Tidak Benar di Dewan Rakyat pada bulan Ogos 2018 walaupun Rang Undang-Undang tersebut kemudiannya tidak diluluskan di Dewan Negara.

Saya berpendapat bahawa harus ada kebebasan untuk orang ramai membincangkan apa jua topik secara terbuka dan terus-terang di media sosial. Ini adalah penting dan kita perlu mengekalkannya. Pada masa yang sama, kita harus memastikan intipati perbincangan itu tidak terpesong dan media sosial tidak disalahgunakan sehingga

melanggar undang-undang dan menggugat ketenteraman awam atau menjejaskan keselamatan negara.

Segala kebebasan mestilah digunakan dengan hormat dan bertanggungjawab. Inilah sebabnya saya mengatakan bahawa portal-portal termasuk portal berita mesti bertanggungjawab terhadap apa yang dipaparkan dalam portal termasuk ruangan komennya. Oleh itu, saya menyokong titah Yang di-Pertuan Agong di Parlimen semalam yang menyarankan penggunaan media sosial dengan bertanggungjawab.

Portal-portal hari ini menyediakan berita dan juga memberi ruangan untuk orang ramai bertukar pandangan mengenai laporan-laporan berita. Walaupun perbincangan di media sosial dan portal berita memberi manfaat kepada masyarakat, terdapat juga keperluan untuk menggunakan platform seperti ini dengan berhemah.

Dalam konteks ini, saya menyeru portal-portal berita supaya mewujudkan kawal-selia sendiri melalui pemantauan berita dan komen-komen yang dipaparkan di laman web mereka.

Ini tidak bertujuan menyekat kebebasan tetapi untuk mengekalkan ketertiban dan mengelakkan komen-komen yang menyinggung dan boleh memberi kesan kepada keselamatan negara.

Kebebasan bersuara bukan bertujuan menggalakkan komen-komen tidak senonoh, lucu atau seksis. Kita juga tidak patut menggalakkan ancaman fizikal terhadap sesiapa dengan penggunaan media sosial.

Paparan atau komen sedemikian harus dielakkan dan ini boleh dicapai melalui kawal selia sendiri oleh pihak portal masing-masing.

Namun demikian, saya berpendapat bahawa seruan saya kepada portal untuk mengurus kandungan dalam ruangan komen mereka adalah permintaan yang munasabah. Pada dasarnya, ia mengukuhkan hakikat bahawa kami menegakkan hak bersuara tetapi juga menitikberatkan kebertanggungjawaban sebagai pengguna.

Maka, seperti yang telah saya katakan sebelum ini, kita perlu membincangkan hal ini dengan lebih lanjut. Saya berhasrat untuk membincangkan perkara ini dengan semua yang terlibat, termasuk rakan-rakan saya di media untuk mencari jalan di mana kita

boleh membangunkan rangka kerja dan bersetuju dengan beberapa mekanisme yang mana kita boleh menangani aduan-aduan yang saya terima.

Sementara itu, sekali lagi, saya mengingatkan semula untuk kita semua berhati-hati dalam apa yang kita paparkan di media sosial. Walaupun kita menghormati kebebasan bersuara dan kebebasan akhbar, kita harus ingat, bahawa kebebasan ini tidak mutlak tetapi tertakluk kepada undang-undang yang diperlukan untuk mengekalkan ketenteraman awam di negara kita.

Saya berharap dapat meneruskan dialog ini dengan pihak berkepentingan yang berkaitan. Saya juga akan mendengar pandangan dan cadangan daripada majlis media yang bakal ditubuhkan mengenai perkara ini dan juga bagaimana untuk mempromosikan penggunaan media sosial yang lebih bertanggungjawab sambil menyediakan ruang untuk kebebasan bersuara di negara ini.

GOBIND SINGH DEO
MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA
12 MAC 2019